

18/07/2001

Lebih doktor atasi masalah di luar bandar

Norazmi Abdul Talib; Rahman Hashim

MELAKA, Selasa - Kehadiran jumlah doktor yang berlebihan dapat mengatasi masalah kekurangan doktor yang sanggup berkhidmat di luar bandar dan hospital kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan boleh membina hospital serta klinik dan membeli peralatan serta kelengkapan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan menghadapi kesukaran menguruskan hospital kerana masalah mendapatkan doktor berkecukupan kerana mereka enggan berkhidmat di luar bandar serta cenderung untuk bekerja dengan hospital swasta.

"Justeru, kerajaan berhasrat mengeluarkan doktor berlebihan supaya tumpuan mereka berkhidmat di sektor swasta berkurangan dan sanggup bekerja dengan kerajaan serta di luar bandar," katanya ketika merasmikan Kolej Perubatan Melaka-Manipal di Bukit Sebukor di sini, hari ini.

Turut hadir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk S Subramaniam serta Pesuruhjaya Tinggi India ke sini, Veena Sekhri.

Perdana Menteri berkata, dengan lebih ramai doktor, ada yang mungkin tidak mendapat pekerjaan dan sanggup berkhidmat di luar bandar.

"Kita perlu mengeluarkan lebih banyak doktor sehingga mereka mendapati bekerja di luar kerajaan (swasta) tidaklah lumayan. Kita juga boleh menghantar mereka berkhidmat di luar bandar," katanya.

Ketika ini, jumlah doktor di luar bandar adalah rendah kerana mereka enggan berkhidmat di kawasan berkenaan sementara pendapatan yang ditawarkan sektor swasta antara tiga hingga empat kali ganda lebih tinggi berbanding berkhidmat dengan kerajaan.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Dr Mahathir berkata, jika bilangan doktor tidak mencukupi, adalah sukar bagi kerajaan menghantar doktor ke luar bandar.

Beliau berkata, doktor berkenaan akan berhenti jika diarahkan berkhidmat di luar bandar dan bekerja di sektor swasta serta memperoleh pendapatan tinggi.

Bagi mencapai matlamat berkenaan, Dr Mahathir berkata, kemungkinan pengambilan penuntut perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terpaksa ditambah.

Mengenai 300 doktor pakar rakyat tempatan yang balik ke tanah air, Dr Mahathir berkata, ada yang tidak balik kerana pendapatan yang diperoleh adalah tinggi.

Malah, Perdana Menteri berkata, sebilangan doktor berkenaan mendapat tawaran pemilikan saham.

(END)